



ZURIATI

# Evolusi teknologi ancam perniagaan

KEMAJUAN dan evolusi teknologi tanpa sempadan pada masa kini tidak dinafikan banyak memberi kemudahan dalam segenap perkara.

Pun begitu, evolusi dan perubahan teknologi secara pantas ini turut memberi impak kepada segelintir perniagaan terutama yang melibatkan industri perisian teknologi maklumat.

Timbalan Dekan, Fakulti Komputer Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zuriati Ahmad Zukarnain berkata, impak tersebut dapat dilihat secara jelas dengan kemunculan pelbagai medium interaktif laman sosial baharu dari semasa ke semasa.

"Jika kita lihat, setiap hari ada sahaja aplikasi dalam talian baharu yang diperkenal dan dilancarkan kepada pengguna internet di dunia.

"Ini secara tidak langsung akan menjelaskan beberapa aplikasi dan medium popular yang digunakan sebelum ini seiring dengan peredaran masa," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Zuriati menjelaskan, kemajuan dunia tanpa sempadan pada masa kini tidak mustahil mampu melenyapkan segala kemudahan yang pernah menjadi ikutan sebelum ini.

Mengulas mengenai keputusan syarikat gergasi Yahoo! yang bakal menghentikan satu lagi segmen ruangan sembang komunitinya, Yahoo Groups pertengahan Disember depan, Zuriati menyatakan ia bukan satu perkara mengejutkan.

Beliau berkata, syarikat Yahoo yang sudah wujud selama 26 tahun itu terpaksa akur dengan situasi dan peredaran arus teknologi semasa

hingga memaksa konglomerat ternama itu menghentikan beberapa segmen produknya.

"Dua tahun lalu, Yahoo terpaksa menghentikan segmen Yahoo Messenger yang digunakan secara global akibat penurunan penggunaan dan peralihan pengguna kepada platform media sosial lain yang lebih interaktif."

"Terbaharu, ia disusuli dengan penamatkan platform Yahoo Groups yang telah 19 tahun bertapak dalam industri teknologi maklumat," ujarnya.